



# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**  
**Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971**  
**DR.58/1971**

RANG UNDANG<sup>2</sup>*bernama*

Suatu Akta bagi mengadakan penalti lebeh berat kerana menggunakan senjatapi pada melakukan kesalahan<sup>2</sup> tertentu.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG<sup>2</sup> oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Senjatapi (Penalti Lebeh Berat), 1971.

(2) Akta ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia.

(3) Akta ini hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab atas ketenteraman awam melalui pemberitahu dalam *Warta*, yang tidak lebeh awal daripada tarikh pemberitahu itu di-siarkan.

(4) Akta ini hendak-lah terus berkuatkuasa sa-hingga ia di-batalkan dengan ketetapan<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh kedua<sup>2</sup> Majlis Parlimen:

Dengan sharat bahawa pembatalan itu tidak menyentoh apa<sup>2</sup> jua yang telah di-lakukan dahulu-nya menurut Akta ini.

2. (1) Dalam Akta ini—

“kesalahan berjadual” erti-nya apa<sup>2</sup> kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual;

“melepaskan tembakan” erti-nya menyebabkan di-lepaskan sa-suatu letusan, peluru atau lain<sup>2</sup> bedilan dari sa-suatu senjatapi dengan alat chas letupan, dan termasuklah menyebabkan sa-suatu bom atau greded di-letupkan;

Tajok ringkas, pemakaian, mula berkuatkuasa dan tempoh lama-nya.

Tafsiran.

“senjatapi” erti-nya apa<sup>2</sup> jenis senjata maut belaras yang dari-nya sa-suatu letusan, peluru atau lain<sup>2</sup> bedilan boleh di-lepaskan dengan alat chas letupan dan termasuklah sa-suatu bom atau grened yang mengandongi chas letupan.

N.M.B. 45,  
Sabah 3/59,  
Swk. Bab  
57.

(2) Perkataan dan perbahasaan yang di-gunakan dalam Akta ini yang terdapat dalam Kanun Keseksaan ada-lah masing<sup>2</sup> mempunyai erti yang di-beri kapada-nya dalam Kanun itu.

Penalti  
kerana  
melepaskan  
tembakan  
dari sa-suatu  
senjatapi  
pada  
melakukan  
sa-suatu  
kesalahan  
berjadual.

3. Sa-siapa yang pada masa melakukan atau chuba melakukan atau bersubahat melakukan sa-suatu kesalahan berjadual melepaskan tembakan dari sa-suatu senjatapi, sama ada atau tidak tembakan itu menyebabkan kematian atau kechederaan kapada sa-saorang dan sama ada atau tidak senjatapi itu pada masa tembakan itu di-tujukan atau di-balingkan ka-arrah sa-saorang atau di-lepaskan tembakan sa-chara merawak, hendak-lah di-hukum bunoh.

Penalti  
kerana  
menunjok-  
kan  
senjatapi  
pada  
melakukan  
sa-suatu  
kesalahan  
berjadual.

4. Sa-siapa yang pada masa melakukan atau chuba melakukan atau bersubahat melakukan sa-suatu kesalahan berjadual atau sa-suatu rompakan menunjokkan sa-suatu senjatapi dengan chara yang mungkin mendatangkan ketakutan mati atau chedera kapada sa-saorang hendak-lah di-hukum penjara sa-lama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan boleh juga di-hukum sebat.

#### JADUAL

(Sekshen 2)

1. Pemerasan.
2. Rompakan.
3. Penghalangan atau penentangan, oleh sa-saorang, terhadap penangkapan diri-nya atau sa-orang lain oleh sa-orang pegawai polis atau mana<sup>2</sup> orang lain yang di-berikuasa dengan sah untuk menangkap-nya.
4. Lari dari jagaan yang sah.

#### HURAIAN

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk memberatkan lagi penalti yang ada sekarang kerana menggunakan senjata pada melakukan pemerasan atau rompakan, untuk menghalang atau menentang penangkapan atau untuk memudahkan lepas lari dari jagaan yang sah.

Akta Senjata, 1960 memperuntukkan penalti tidak lebih daripada sa-puluh tahun penjara kerana memileki senjata pada masa melakukan mana<sup>2</sup> satu daripada sa-bilangan besar kesalahan<sup>2</sup> (termasuk pemerasan dan rompakan) sa-lain dari penalti bagi kesalahan itu sendiri: misal-nya, jika sa-saorang di-thabitkan atas kesalahan merompak dan di-

jatuhkan hukum penjara sa-lama tujuh tahun, maka hukum penjara itu boleh di-tambah dengan suatu tempoh tidak lebeh daripada sa-puluh tahun jika di-buktikan bahawa pada masa melakukan rompakan ia telah memileki senjata.

Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan untok memberatkan lagi penalti kerana menggunakan, tetapi bukan hanya kerana memileki, senjata. Ia-nya ada-lah terhad kapada penggunaan senjatapi dan letupan (*Fasal 2 (I)*).

*Fasal 3* memperuntokkan hukuman bunoh kerana melepaskan tembakan dari sa-suatu senjatapi (termasok meletupkan bom atau greded) pada melakukan, chuba melakukan atau bersubahat melakukan sa-suatu kesalahan berjadual.

*Fasal 4* memperuntokkan hukum penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada 20 tahun dan sebat kerana menunjokkan sa-suatu senjatapi (termasok bom dan greded) dengan chara yang mungkin menyebabkan ketakutan pada melakukan, chuba melakukan atau bersubahat melakukan sa-suatu kesalahan berjadual.

*Fasal 1 (4)* memperuntokkan bahawa Akta ini boleh di-batalkan dengan ketetapan<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh kedua<sup>2</sup> Majlis Parlimen, tetapi dengan tidak menyentoh apa<sup>2</sup> jua yang telah di-lakukan dahulunya menurut Akta ini.

[PN. 4837.]

follows :

1. (1) This Act may be cited as the Firearms (Increased Penalties) Act, 1971.

(2) This Act shall apply throughout Malaysia.

(3) This Act shall come into force on such date as the Minister charged with the responsibility for public order may by notification in the *Gazette* appoint, not being a date earlier than that on which the notification is published.

(4) This Act shall remain in force until it is annulled by resolutions passed by both Houses of Parliament.

Provided that such annulment shall be without prejudice to anything previously done by virtue of this Act.

2. (1) In this Act—

"discharge" means to cause the discharge of a shot, bullet or other missile from a firearm by means of an explosive charge, and includes the causing of a bomb or grenade to explode;

"firearm" means any lethal barrelled weapon of any description from which any shot, bullet or other missile can be discharged by means of an explosive charge, and includes a bomb or grenade containing an explosive charge;

RANG UNDANG2 SENJATAPI (PENALTI LEBEH BERAT)

Pindaan yang akan di-chadangkan dalam Jawatan  
Kuasa oleh Peguam Negara

Clause 1: Sub. 1. The following -  
Fasal 3. Gantikan dengan yang berikut -

"3. Sa-siapa yang pada masa melakukan atau chuba melakukan atau bersubahat melakukan sa-suatu kesalahan berjadual melepaskan tembakan dari sa-suatu senjatapi dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kechederaan kapada sa-saorang hendak-lah di-hukum bunoh walaupun tiada apa2 kechederaan di-lakukan.".

HURAIAN

Pindaan ini di-buat hasil dari chadangan of Hakim Besar. Niat untok menyebabkan kematian atau kechederaan ada-lah suatu unsor yang perlu sa-belum sa-saorang boleh di-thabitkan di-bawah fasal 3.